



**TOI SEE JONG (berbaju batik, duduk di tengah), bersama Naib Presiden LIAM, Ramzi Toubassy (kanan, berbaju biru), bergambar ramai bersama anak-anak yatim dalam Majlis Rumah Terbuka LIAM di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN**

## LIAM optimis capai sasaran 75 peratus

**KUALA LUMPUR 10gos** - Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) melihat keperluan untuk meningkatkan sekurang-kurangnya lima peratus kadar penembusan industri insurans di Malaysia bagi memastikan sasaran 75 peratus kadar penembusan insurans menjelang 2020 tercapai.

Presiden LIAM, Toi See Jong berkata, angka itu dapat dicapai dengan pengenalan sistem jualan terus dalam talian yang diwajibkan ke atas semua syarikat pengendali insurans bermula awal tahun hadapan.

Ujarnya, sistem dalam talian itu yang merupakan sebahagian daripada rangka kerja insurans hayat dan takaful keluarga (LIFE) telah diperkenalkan November tahun lalu bagi memacu pertumbuhan industri berkenaan.

“Saya percaya dengan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan melalui tiga tunggak utama rangka kerja ini akan memberikan impak yang signifikan terhadap industri insurans di Malaysia.

“Kini hanya satu daripada 14 syarikat insurans di Malaysia menawarkan perkhidmatan dalam talian,” katanya kepada pembedita ketika ditemui selepas Majlis Rumah Terbuka LIAM di sini hari ini.

Ketika ini Malaysia mencatatkan kadar penembusan insurans sebanyak 55 peratus berbanding sasarannya 75 peratus menjelang 2020.

Tambahnya, kehadiran saluran pengedaran alternatif akan memberi kesan yang besar dalam mengembangkan jangkauan dan penembusan insurans di Malaysia.

“Peluang dalam teknologi digital dan saluran terus bukan sahaja akan meningkatkan ketelusan dan membolehkan pengguna membuat perbandingan produk lebih mudah, tetapi juga meningkatkan capaian dan penembusan insurans dalam kalangan generasi baharu,” katanya.

Dalam pada itu See Jong berkata, ketidaktentuan ekonomi ketika ini sedikit sebanyak mempengaruhi kadar pertumbuhan industri insurans di Malaysia.

Ujarnya, LIAM masih mengekalkan sasaran pertumbuhan satu angka bagi 2016.

“Kami akan terus mempergiat dan mempromosikan insurans hayat kepada pengguna biarpun faham dengan keadaan ekonomi yang kurang stabil ketika ini,” katanya.



**Kini hanya satu daripada 14 syarikat insurans di Malaysia menawarkan perkhidmatan atas talian.”**

**TOI SEE JONG**  
**Presiden LIAM**